



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN *CLOSE-CIRCUIT TELEVISION* (CCTV) DI
KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA**

**AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998
[AKTA 586]**

**PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA (KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK PERGIGIAN
SWASTA) 2006 [P.U. (A) 137/2006]**

**PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA (HOSPITAL SWASTA DAN KEMUDAHAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA LAIN) 2006 [P.U. (A) 138/2006]**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk Pemegang Perakuan Pendaftaran, Pemegang Lesen dan Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS), dengan tujuan memastikan pengurusan fasiliti mematuhi peruntukan berkaitan serta standard kualiti yang ditetapkan.
- 1.2 Secara keseluruhan, garis panduan ini bertujuan memastikan KPJKS bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang berhasrat menyediakan CCTV mematuhi syarat yang ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengoperasian KPJKS hendaklah mematuhi peruntukan Akta 586 serta Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U. (A) 137/2006*] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*];
- 2.2 Penggunaan CCTV perlu mematuhi keperluan Akta 586 dan apa-apa undang-undang bertulis lain yang berkaitan;
- 2.3 Penggunaan CCTV di KPJKS bagi tujuan keselamatan dan pengurusan risiko hendaklah memastikan aspek privasi dan kebersendirian pesakit serta hak pesakit untuk dirawat dengan memberikan perhatian teliti kepada kesopanan tidak terjejas dan sentiasa terpelihara; dan
- 2.4 Prinsip kesopanan dan kerahsiaan dalam rawatan pesakit adalah berteraskan standard etika serta kod amalan profesional yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Malaysian Dental Council (MDC). Bagi memperkukuhkan elemen perlindungan ini, penggunaan teknologi rakaman di premis kesihatan mestilah mematuhi garis panduan teknikal serta peruntukan berkaitan yang dikeluarkan oleh badan profesional masing-masing. Ini bagi memastikan kehormatan dan integriti pesakit sentiasa terpelihara, di mana setiap rakaman dikendalikan sebagai maklumat sulit yang dilindungi sepenuhnya daripada sebarang pencerobohan atau akses tanpa kebenaran.

3. SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini terpakai kepada semua KPJKS bawah Akta 586 yang menggunakan CCTV di premis.

4. TADBIR URUS PENGGUNAAN CCTV

4.1 Tanggungjawab Pemegang Lesen, Pemegang Perakuan Pendaftaran dan Orang yang Bertanggungjawab (OYB)

Pemegang Lesen, Pemegang Perakuan Pendaftaran dan Orang yang Bertanggungjawab (OYB) bertanggungjawab terhadap pengurusan, pengoperasian dan pemantauan CCTV di KPJKS tersebut.

4.2 Prinsip Umum dan Prosedur Operasi Standard (SOP)

Penggunaan CCTV di KPJKS hendaklah berteraskan prinsip-prinsip berikut yang perlu dinyatakan dengan jelas dalam SOP premis:

- (a) CCTV hanya digunakan bagi tujuan keselamatan dan pengurusan risiko. CCTV tidak boleh menggantikan aspek pemantauan pesakit oleh profesional jagaan kesihatan;
- (b) Memastikan hak pesakit untuk dirawat dengan kesopanan, kerahsiaan dan keperluan mendapatkan persetujuan bagi rakaman yang boleh mengenalpasti identiti pesakit sentiasa terpelihara selaras dengan standard etika serta kod amalan profesional MMC dan MDC;
- (c) Papan tanda pemberitahuan mengenai penggunaan CCTV mestilah ditempatkan di lokasi strategik yang mudah dilihat;
- (d) Memperincikan kedudukan kamera, tatacara pengurusan rakaman, *patient awareness*, persetujuan (*consent*) dan audit berkala bagi memastikan integriti rakaman sebagai maklumat sulit;
- (e) Rakaman hendaklah disimpan mengikut tempoh minimum yang ditetapkan dalam SOP (contoh: 30 hari); dan
- (f) Akses kepada rakaman adalah terhad kepada pegawai yang diberi kuasa sahaja.

5. LOKASI PEMASANGAN CCTV

5.1 Kawasan yang Dibenarkan

Secara prinsipnya, pemasangan CCTV adalah dibenarkan di kawasan yang tidak melibatkan aktiviti rawatan atau penginapan pesakit secara langsung, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Kawasan capaian utama seperti pintu masuk, pintu keluar kecemasan, lobi utama dan kawasan pendaftaran/ kaunter
- (b) Kawasan transit seperti koridor klinikal, koridor wad, ruang menunggu pesakit dan stesen jururawat;
- (c) Kemudahan umum seperti lif awam dan lif lobi;
- (d) Kawasan keselamatan tinggi seperti ruang legar atau pintu masuk ke Nurseri/ *Special Care Nursery* (SCN)/ Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU);
- (e) Kawasan sokongan dan logistik seperti stor ubat/bahan berbahaya, ruang simpanan sisa klinikal serta kawasan pemunggahan (*loading bay*); dan

- (f) Kawasan infrastruktur dan persekitaran seperti bilik utiliti kritikal (seperti bilik janakuasa/IT), kawasan parkir dan persekitaran dalam perimeter premis.

5.2 Had dan Larangan

CCTV **tidak dibenarkan** disediakan di kawasan klinikal di mana pesakit ditempatkan dan/atau menerima rawatan secara langsung, antara lainnya seperti di kawasan berikut:

- (a) Bilik/ ruang/ kubikel Wad/ Unit Rawatan Rapi/Kritikal (ICU/CCU)/ Unit Koronari Jantung (CCU)/ *High Dependency Unit* (HDU);
- (b) Bilik Perundingan;
- (c) Bilik atau ruang Rawatan/ Prosedur/ Pemeriksaan/Resusitasi;
- (d) Bilik Pembedahan/ Rawatan Pergigian;
- (e) Kompleks Dewan Bedah;
- (f) Bilik Bersalin/ Bilik *First Stage*;
- (g) Bilik/ ruang/ kubikel Nurseri/ SCN/ NICU (yang merakam pesakit secara langsung);
- (h) Bilik/ ruang Rawatan Dialisis;
- (i) Bilik/ ruang Pemantauan (*Observation*)/ Pemulihan (*Recovery*)/ *Holding Bay*;
- (j) Bilik Pengimejan/ Bilik Radioterapi – tertakluk kepada para 5.3(a);
- (k) Lif pesakit;
- (l) Bilik Kaunseling; dan
- (m) Bilik/ ruang/ kubikel yang melibatkan pesakit atau yang seumpama dengannya.

5.3 Pengecualian bagi Keperluan Khusus

Garis panduan ini tidak terpakai bagi penggunaan CCTV untuk tujuan –

- (a) klinikal yang memerlukan pemantauan pesakit dengan menggunakan CCTV, seperti pemantauan terhadap pesakit psikiatri, *sleep study* atau keadaan klinikal lain yang pada penilaian pakar memerlukan penggunaan CCTV dengan persetujuan pesakit atau penjaga sah; atau
- (b) keperluan undang-undang/ peraturan/ Pihak Berkuasa lain yang memerlukan penggunaan CCTV seperti untuk pemantauan pengendalian bahan radioaktif, lokasi CCTV yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan sebagainya.

6. KEPERLUAN SPESIFIKASI CCTV

- 6.1 CCTV yang tidak mudah dilihat atau jenis tersembunyi dan CCTV bersama rakaman audio adalah tidak dibenarkan.
- 6.2 Monitor paparan dan/atau paparan *real-time* CCTV (sekiranya ada) perlu ditempatkan di bilik atau kawasan yang mempunyai akses terkawal (*controlled access*) yang ditetapkan oleh pihak pengurusan fasiliti seperti bilik kawalan keselamatan atau bilik pentadbiran (sekiranya berkaitan).

7. RUJUKAN

- 7.1 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
- 7.2 Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [P.U.(A)137/2006].
- 7.3 Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006 [P.U. (A) 137/2006]
- 7.4 Amalan Perubatan Baik [Good Medical Practice] (Majlis Perubatan Malaysia, 2021)
- 7.5 Code of Professional Conduct (Majlis Pergigian Malaysia 2022)
- 7.6 Audio and Visual Recordings Guideline (Majlis Perubatan Malaysia, 2023)